

Analisis perbandingan efikasi pengajaran dalam kalangan guru bahasa melayu tahun satu

Abstract

Kajian ini bertujuan untuk melihat perbandingan efikasi pengajaran guru Bahasa Melayu yang mengajar tahun satu sekolah rendah di negeri Sabah. Responden kajian ini melibatkan sebanyak 429 orang guru Bahasa Melayu tahun satu di seluruh negeri Sabah yang dipilih secara rawak bertujuan. Satu set soal selidik bagi mengukur efikasi pengajaran diadaptasi daripada soal selidik "Teacher Efficacy Scale" (TES) Gibson dan Dembo. Kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi seperti min, kekerapan, sisihan piawai, dan ANOVA Sehala dioperasikan. Dapatan kajian menunjukkan skor min efikasi pengajaran berada pada tahap yang kuat. Analisis ANOVA Sehala pula menunjukkan bahawa (i) tidak terdapat perbezaan yang signifikan efikasi pengajaran guru berdasarkan kelayakan ikhtisas (ii) terdapat perbezaan efikasi pengajaran guru berdasarkan pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu.